

Oleh AMMAR JAZLAN MAD LELA, JUNHAIRI ALYASA, NORLIDA AKMAR IDROS, NOR SHAFAWATI YUP, MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM, HAFIZ AHMAD, RASDAN AHMAD, AZHAR AHMAD, NOR FATIHAH ISMAIL, ABDUL RAZAK IDRIS, MOHD. AZRIN MUHAMMAD dan HARIZ KAMARUDIN

SPR tetapkan 9 Mei depan untuk rakyat membuang undi bagi PRU-14

Tarikh undi seminggu sebelum puasa

Kosmo - 11/4/13 cm (s.c.)

PUTRAJAYA - Teka-teki parti mana yang akan mendapat mandat membentuk kerajaan Persekutuan untuk lima tahun akan datang bakal terjawab pada 9 Mei depan selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan tarikh itu sebagai hari untuk membuang undi bagi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Tarikh yang jatuh pada hari Rabu minggu kedua bulan Mei itu merupakan kali kelima PRU diadakan ketika hari bekerja.

Mengikut rekod, terdapat empat PRU diadakan pada hari bekerja sebelum ini iaitu PRU-1 (Rabu, 19 Ogos 1959), PRU-6 (Khamis, 22 April 1982), PRU-9 (Selasa, 25 April 1995) dan PRU-10 (Isnin, 29 November 1999).

Pengundian pada 9 Mei adalah kira-kira seminggu sebelum umat Islam menyambut bulan Ramadan yang dijangka jatuh pada 17 Mei.

Pengerusi SPR, Tan Sri Mohd. Hashim Abdullah berkata, hari penamaan calon pula ditetapkan pada 28 April ini manakala tarikh pengundian awal pula ditetapkan pada 5 Mei.

"Tempoh berkempen ditetapkan selama 11 hari bermula dari hari penamaan calon sehingga pukul 11.45 malam 8 Mei depan.

"Sebanyak RM500 juta diperuntukkan untuk PRU kali ini melibatkan 259,391 petugas yang dilantik dalam kalangan orang awam manakala sebanyak 8,989



HASHIM menunjukkan tanda bagus sebelum mengumumkan tarikh-tarikh penting PRU-14 pada sidang akhbar di pejabat SPR di Putrajaya semalam.

buah premis akan dijadikan sebagai pusat mengundi yang mempunyai 28,995 saluran," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, Mohd. Hashim mempengerusikan mesyuarat khas di bangunan SPR di sini selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pembubaran Parlimen pada 7 April lalu.

Tambahnya, berdasarkan daftar pemilih, terdapat 14,636,716 pemilih biasa, 300,255 pengundi awal dan 3,653 pengundi luar negara. Jumlah keseluruhan bagi tiga pecahan itu ialah 14,940,624

pengundi.

Menurut Mohd. Hashim, seramai 222 pegawai pengurus PRU ke-14 dilantik untuk memantau tempoh berkempen dan sebanyak 445 pasukan penguat kuasa kempen pilihan raya turut ditubuhkan.

"Writ pilihan raya yang dikeluarkan pada 11 April ini kepada pegawai pengurus pilihan raya akan menggariskan tugas mereka pada hari penamaan calon dan hari mengundi," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 14 negara daripada ASEAN, Asia dan negara Komanwel serta pusat kajian

INFO

Peraturan keluar mengundi

Tarikh Pilihan Raya Umum

- 27 Julai 1955 - Rabu
(dikenali sebagai Pilihan Raya Era Pra-Merdeka)
1. **PRU-1**, 19 Ogos 1959, Rabu
 2. **PRU-2**, 25 April 1964, Sabtu
 3. **PRU-3**, 10 Mei 1969, Sabtu
 4. **PRU-4**, 24 Ogos 1974, Sabtu
 5. **PRU-5**, 8 Julai 1978, Sabtu
 6. **PRU-6**, 22 April 1982, Khamis
 7. **PRU-7**, 3 Ogos 1986, Ahad
 8. **PRU-8**, 21 Oktober 1990, Ahad
 9. **PRU-9**, 25 April 1995, Selasa
 10. **PRU-10**, 29 November 1999, Isnin
 11. **PRU-11**, 21 Mac 2004, Ahad
 12. **PRU-12**, 8 Mac 2008, Sabtu
 13. **PRU-13**, 5 Mei 2013, Ahad

Jumlah Keluar Mengundi

- 82.2 peratus
- 73.3 peratus
- 78.9 peratus
- 73.6 peratus
- 75.1 peratus
- 75.3 peratus
- 75.4 peratus
- 74.39 peratus
- 72.3 peratus
- 68.3 peratus
- 69.3 peratus
- 73.9 peratus
- 75.99 peratus
- 84.4 peratus

antarabangsa dijemput sebagai pemerhati PRU-14.

"SPR juga melantik 14 pertubuhan bukan kerajaan tempatan dan wakil universiti awam sebagai pemerhati. Selain daripada lantikan itu, SPR tidak akan mengiktiraf pihak lain," tegasnya.

Pada PRU-13, tempoh berkempen adalah selama 15 hari.

Orang ramai boleh membuat semakan mengenai pusat dan saluran mengundi di www.spr.gov.my atau aplikasi MYSPR SEMAK atau hubungi 03-8892 7018.

PRU-14 membabitkan perebutan 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri.

INFO

PRU-14

- **11 April** - Writ pilihan raya dikeluarkan
- **28 April** - Hari penamaan calon
- **5 Mei** - Hari mengundi awal
- **9 Mei** - Hari mengundi
- **Tempoh Berkempen** - 11 hari
- **Jumlah Pengundi Berdaftar** - 14,940,624 orang
- **Anggaran kos kendali PRU-14** RM500 juta
- **Pusat mengundi** - 8,989
- **Saluran mengundi** - 28,995